

# Ada negara Barat dakwa mereka majukan Malaysia

JUM 20 JUN 1957

DENGAN penuh gembira saya mengucapkan selamat datang kepada tuan-tuan semua ke Malaysia. Kenyataannya bahawa sebuah delegasi peringkat tinggi presiden dan delegasi peringkat tinggi presiden dan naib presiden multinational Eropah yang sudi melawat Malaysia untuk tujuan bertukar pandangan dengan Kerajaan Malaysia, amatlah dialu-alukan kerana ia mencerminkan minat di Eropah dalam pembangunan ekonomi di negara ini.

Eropah, seperti yang kita ketahui, bukanlah sebuah persekutuan dan tidak juga terdiri dari sebuah negara sahaja, sebaliknya, termasuklah Pasaran Ekonomi Eropah (EEC). Pandangan dan sikap bethubung dengan pelaburan di Malaysia adalah berbeza di antara negara-negara

itu.

Semasa menjalankan satu misi pelaburan baru-baru ini, kami telah menemui sebuah negara yang bertutur bahasa Inggeris yang tidak menunjukkan sebarang minat dalam menganjurkan seminar kami.

Sebaliknya kerajaan dan rakyat Finland telah bermurah hati dalam menghulurkan segala bantuan dan kerjasama untuk menjayakan seminar pelaburan kami. Pengalaman-pengalaman ini sudah tentu akan mempengaruhi sikap kami dalam menjalankan perdagangan dan juga dalam hubungan kami dengan negara-negara lain dari segi ekonomi.

Beberapa buah negara Eropah masih mempunyai pandangan buruk terhadap Malaysia. Misalnya saiah seorang dari wakil mereka

di Malaysia baru-baru ini mendakwa bahawa pembangunan Malaysia dicapai melalui hasil usaha negaranya.

Kini setelah berada di sini, tuan-tuan tentu dapat melihat bahawa pembaharuan yang dicapai hampir dalam setiap bidang di negara ini adalah hasil dari usaha-usaha yang gigih yang

diadakan oleh Malaysia sendiri.

Kami tidak menerima sebarang bantuan dari pihak yang mendakwa itu. Dan sehingga sekarang tiada sebarang bantuan dihulurkan oleh mereka. Malah firma mereka yang telah membolot keuntungan yang begitu besar melalui perusahaan mereka di Malaysia tidak pernah mengeluarkan sebarang perbelanjaan untuk membantu para pelajar kami.

Saya membuat ulasan

ini kepada tuan-tuan kerana saya rasa tuan-tuan patut mengetahui seberapa banyak yang boleh tentang falsafah dan mentaliti kami seperti yang diperlukan untuk membuat keputusan-perdagangan tuan-tuan.

Tuan-tuan tentu tidak baik baik di negara ini.

yang tidak jujur dan tidak tahu berterima kasih. Malaysia bukanlah sebuah negara yang tidak jujur. Kami berkata apa yang kami rasa.

Dan apabila tuan-tuan datang ke sini untuk mengetahui tentang kami, kami mahu tuan-tuan mengetahui keadaan yang sebenarnya. Kami berterima kasih terhadap mereka yang telah menghantu kami.

Kami mempunyai pasaran yang teguh tetapi pasaran ini adalah

untuk mereka yang bersedia membantu kami membina negara ini. Kemewahan yang jelasnya terhadap di negara ini bukanlah hanya

untuk diterokai sahaja. Kami bercadang untuk menggunakannya untuk membantu golongan yang kurang bemasib

baik baik di negara ini.

dengan sebuah negara